

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 1 OKTOBER 2016

Tujuh bayi dirai sempena ulang tahun MBSA ^{11/10/2016}

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) meraikan tujuh bayi yang lahir di Hospital Shah Alam, sempena sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Shah Alam ke-16.

Tiga daripadanya lahir pada 10 Oktober dan menerima sijil yang disampaikan Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad manakala empat yang lain pula dilahirkan pada 8 dan 9 Oktober.

"Tarikh 10 Oktober cukup ber-

makna kerana 16 tahun lalu pada tarikh itu, MBSA telah dinaik taraf dari majlis perbandaran kepada majlis bandaraya.

"Jadi, kunjungan ini sebagai tanda kesyukuran dengan meraikan kelahiran bayi pada hari ini (semalam)," katanya.

Ibu kepada seorang bayi, Harisah Md Ariffin, 29, berkata, dia terkejut dan terharu atas kesudian Datuk Bandar berkunjung ke wad berkenaan.

"Saya baru tahu beliau nak datang. Sepatutnya saya bersalin semalam (9

Oktober), tapi tak sangka pula hari ni.

"Syukur saya selamat melahirkan bayi lelaki seberat 3.18 kilogram pagi tadi (semalam) dan tarikh ni cukup bermakna bagi saya," katanya.

Nor Ainon Sulaiman, 32, berkata, dia turut teruja dengan penghargaan yang diberi atas kelahiran anak ketiganya.

Selain sijil, beliau turut menyampaikan cenderahati berupa kelengkapan bayi dan hamper sumbangan MBSA.



Ahmad Zaharin ketika mengadakan kunjungan ke Hospital Shah Alam, semalam.